



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 10 JULY 2019

- 1. BENDANG TERMENUNG**
 - **HARIAN METRO**

- 2. SASAR 30 PERATUS PENGURANGAN NILAI SAYURAN IMPORT**
 - **BERITA HARIAN**

- 3. KERAJAAN PERTIMBANG 3 MODEL TINGKAT PENDAPATAN PETANI**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JULY 2019

PERKARA : ADUAN

HARIAN METRO



PESAWAH menunjukkan saluran yang terpaksa dipecahkan untuk membolehkan air dibuang atau dimasukkan ke dalam petak sawah di Kampung Pulau Maharaja, Tunjang.



AZMI menunjukkan sawahnya yang digenangi air di Kampung Pulau Maharaja, Tunjang, Jitra.

FAKTA

Sistem perparitan tidak mengikut muka bumi kawasan bendang menyebabkan air bertakung

■ **Pesawah buntu masalah perparitan bikin hasil padi lambat**

Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Kubang Pasu

Pesawah di Kampung Pulau Maharaja, Tunjang, Jitra, di sini buntu apabila kira-kira 30 hektar sawah mereka dilanda pelbagai masalah perparitan termasuk menjadi 'bendang termenung'.

Masalah yang dikatakan berpunca daripada projek pembinaan saluran bagi membaiki pulih sistem pengairan di kampung itu yang siap akhir tahun lalu menyebabkan mereka menanggung kerugian ribuan

Bendang termenung

ringgit.

Pesawah, Azmi Mat Napiah, 57, berkata, keadaan itu menyebabkan dia sukar melakukan proses menabur dan menyulam benih, yang pastinya akan menyebabkan proses menuai hasil padi lambat.

"Ketika membuat sistem saluran di sini, pihak bertanggungjawab sini mungkin tidak mengkaji bentuk muka bumi dan struktur sedia ada terlebih dulu. Lubang air keluar masuk ditutup dan diganti dengan yang baharu tetapi di tempat tidak sesuai.

"Kira-kira enam pesawah dibelunggu masalah sama, mereka buat saluran tak mengambil kira kedudukan sawah sama ada rendah atau

tinggi, jadi saluran yang dibuat menjadi sia-sia.

"Saya sendiri sudah banyak duit habis untuk membeli benih dan menabur, jika berlarutan saya akan tanggung kerugian tinggi," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, seorang lagi pesawah, Ahmad Hashim, 67, berkata, dia terpaksa mengepam air dari saluran yang dibina atau dikenali sebagai 'koq U' memandangkan kedudukan sawahnya lebih tinggi dari saluran terbabit.

Katanya, perkara itu bukan saja menambah beban pesawah dari segi wang ringgit tapi juga tenaga berikutan terpaksa sering turun ke sawah untuk melihat keadaan air.

"Ada bahagian saluran ter-

paksa ditutup dan dibuka oleh petani untuk memastikan air dapat masuk ke sawah, ia boleh menimbulkan ketegangan kerana petani terpaksa berebut air.

"Contohnya macam saya, apabila nak guna air terpaksa sekat dalam 'koq' (saliran) supaya air masuk dalam sawah saya, jika tak sekat cara tu sawah saya tak akan ada air, mungkin satu hari nanti saya terpaksa guna batu untuk tutup 'koq' di sini.

"Ini kerana sekurang-kurangnya sawah memerlukan air selama dua hingga ke tiga bulan sebaik saja selesai proses menabur benih, jika sawah kering, pokok padi tak akan tumbuh tapi jika air bergenang lama pula, benih akan mati," katanya.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 10 JULY 2019

PERKARA : PERTANIAN

Kerajaan pertimbang 3 model tingkat pendapatan petani

KUALA LUMPUR 9 Julai - Bagi meningkatkan pendapatan pesawah yang berada dalam kelompok pendapatan isi rumah terendah B40, kerajaan mempertimbangkan untuk memperkenalkan beberapa model penyatuan tanah atau mini estet bagi melipatgandakan pendapatan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kesemua model itu bagaimanapun tidak melibatkan pengambilalihan tanah pesawah dan tiada proses perundangan mengenainya.

“Model pertama, tumpuan diberikan kepada lima hektar tanah kepada pesawah ce-

merlang dengan unjuran pendapatan RM4,000 sebulan. Kedua, menarik penyertaan usahawan muda dengan tumpuan keluasan tanah 50 hektar dan unjuran pendapatan RM15,000 sebulan.

“Ketiga melibatkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), syarikat milik kerajaan (GLC) dan sektor swasta dengan keluasan 200 hektar, 500 hektar dan 1,000 hektar dengan pendapatan lebih RM100,000 ke atas, mengikut kapasiti,” katanya sewaktu pertanyaan-pertanyaan lisan dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

UM 10.7.19

≠

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 JULY 2019

PERKARA : PERTANIAN

Sasar 30 peratus pengurangan nilai sayuran import

Melaka: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyasarkan nilai import sayuran dapat dikurangkan sekurang-kurangnya 30 peratus atau RM1 bilion menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bermula 2021.

Ketua Setiausaha, Datuk Mohamad Sallehuddin Hassan, berkata nilai itu selaras perkembangan Revolusi Industri (IR 4.0) dan kajian Dasar Agro Makanan 2.0 berasaskan teknologi moden yang menjadi antara aspek ditekankan dalam RMK-12.

"Defisit pertanian kita tahun lalu bernilai RM18.8 bilion, kita mengimport RM50.5 bilion barang makanan termasuk RM3.3 bilion sayuran.

"Dengan melaksanakan pertanian moden dalam RMK-12, kita bukan sahaja boleh mengu-

rangkan nilai import sayuran sekurang-kurangnya 30 peratus, malah boleh eksport semula jika ia bernilai tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Simposium Sayuran Asia Tenggara (SEAVEG) 2019, di sini, yang dirasmikan Ketua Menteri, Adly Zahari.

Majlis simposium itu turut dihadiri Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor, dan menghimpunkan peserta dari-pada pelbagai negara di Asia Tenggara selama tiga hari.

Mohamad Sallehuddin berkata, kementerian mahu memfokuskan industri pertanian moden berikutan kekangan baharu seperti faktor usia, tanah dan tenaga kerja.

"Kaedah pertanian moden ini boleh menarik minat anak muda, kita mahu galakkan mereka tanam kubis bunga, lobak merah, salad, tomato dan ia boleh diusahakan di kontena, ruang kecil atau dalam bangunan terbengkalai.

"Anak muda boleh jana pendapatan sekurang-kurangnya RM7,000 sebulan jika dapat hasil tanaman dalam kontena, tak perlu kerja berat kerana semua bergantung pada sistem, hasil pun boleh dapat dalam 20 hari," katanya kos teknologi pada permulaan agak tinggi ketika ini.

Katanya, pemilihan Melaka sebagai lokasi penganjuran SEAVEG 2019 itu juga berikutan negeri itu sesuai dikembangkan sebagai pusat teknologi sayuran moden walaupun ia negeri kecil.

 Dengan melaksanakan pertanian moden dalam RMK-12, kita bukan sahaja boleh mengurangkan nilai import sayuran sekurang-kurangnya 30 peratus, malah boleh eksport semula jika ia bernilai tinggi.

Mohamad Sallehuddin Hassan,
Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

BH 10.7.19.